



'Kami belum mandi' - Pelajar UMS beritahu Menteri Pendidikan Tinggi

Oleh [Olivia Miwil dan Rafiqah Dahali](#) - Januari 8, 2024 @ 1:06pm
bhnews@bh.com.my

KOTA KINABALU: Menteri Pendidikan Tinggi yang baharu Datuk Seri Zambry Abd Kadir menerima sambutan unik daripada pelajar dalam lawatan kerjanya yang pertama ke Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini, hari ini.

Berbeza dengan sambutan biasa, pelajar-pelajar ini menzhirkan kesusahan mereka dengan menunjukkan kad bod untuk memberitahu masalah mereka di kampus berikutan masalah air.

Kumpulan tersebut juga menyanyikan lagu sebagai permohonan maaf kepada Zambry kerana mereka tidak dapat mandi semasa menyambut rombongan tersebut.

Turut hadir Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Mustapha Sakmud, dan Naib Canselor UMS, Datuk Kasim Mansor.

Difahamkan Jabatan Air Negeri menghantar bekalan menerusi lori tangki ke kampus tetapi masih tidak mencukupi.

Tahun lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bersetuju memberikan peruntukan sebanyak RM3 juta kepada UMS bagi menyelesaikan masalah air di kampus itu.

Seorang pelajar yang ditemui berkata, mereka berharap dapat maklumat jelas mengenai bagaimana wang tersebut digunakan dan kemajuan projek setakat ini.

"Selain itu, bagi pihak pelajar, kami ingin yuran penginapan dikurangkan disebabkan gangguan bekalan air," katanya.



Zambry ketika disambut pelajar UMS di kampus universiti itu hari ini. - Foto NSTP/Olivia Miwil.

Sementara itu, Zambry berkata Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan menyalurkan peruntukan tambahan RM2 juta kepada UMS bagi mengatasi masalah bekalan air dihadapi warga kampusnya.

Menurut Zambry, beliau hari ini mendengar taklimat berkaitan pembangunan di UMS termasuk isu berkaitan masalah bekalan air.

"Berdasarkan taklimat yang diberikan, mereka (pihak UMS) memerlukan sedikit tambahan lagi (peruntukan) khususnya untuk kawasan yang mempunyai sumber air tetapi air itu tidak boleh dipam naik ke kawasan tinggi di asrama berkenaan.

"Jadi saya bertanya berapa yang diperlukan. Mereka sebut antara RM800,000 ke RM1 juta sebagai tambahan. Jadi saya telah umumkan tambahan sebanyak RM1 juta bagi membolehkan pam dapat disediakan bagi mengalirkan air ke kawasan atas.

"Kedua, hasil inisiatif yang dibuat oleh UMS untuk menyediakan tiub di (kawasan) bawah, setelah mendengar taklimat juga, mereka (memaklumkan) perlukan tambahan lebih kurang RM1 juta dan saya tambah lagi RM1 juta untuk memastikan supaya beberapa tiub dapat dibuat.

"Disamping itu, ia juga agar kawasan penggerudian dapat dibuat untuk memastikan (kerja mencari) punca air dapat disegerakan," katanya.

Zambry turut menjelaskan pihaknya akan mendapatkan khidmat pakar berkaitan bagi menyelesaikan isu bekalan air di UMS.

"Saya telah memaklumkan kepada pihak UMS bahawa ada dikalangan profesor kita yang mempunyai kepakaran dalam bidang ini.

"Mereka akan gunakan pendekatan ini untuk membantu menyelesaikan dan memaklumkan kepada pihak kita langkah segera (menyelesaikan masalah kekurangan bekalan air).

"Saya juga dimaklumkan bahawa kerajaan negeri Sabah juga ada perancangan untuk membina satu kolam tangki air yang besar tapi ia mungkin mengambil sedikit masa," katanya.

Mengulas status penggunaan peruntukan RM3 juta yang diumumkan Anwar, Zambry berkata pihaknya dimaklumkan peruntukan itu telah digunakan untuk tujuan mengatasi isu bekalan air di UMS.

"Sudah tentu pelajar bertanya berkenaan wang (peruntukan) itu sama ada ia digunakan atau tidak.

"Saya fikir tidak ada masalah sebenarnya dan pihak pentadbiran boleh memaklumkan khususnya kepada pimpinan pelajar mengenai butirannya supaya ketirisan dapat dielakkan," katanya.



Menteri Pendidikan Tinggi (KPT), Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir mendengar luahan perasaan sekumpulan pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang berhimpun sambil memegang kad bertulis mengenai isu bekalan air UMS bertempat di dihadapan Dewan Serbaguna Kolej Kediaman Tun Fuad UMS. Foto NSTP/ RAFIQAH DAHALI.

Previous